



PETIKAN AKHBAR

Langganan sukuk 6.4 kali cermin keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap ekonomi M'sia – PM

PETIKAN AKHBAR | 23 APRIL 2021



MUAR, 23 April – Terbitan Sukuk Kelestarian Malaysia yang mencatatkan langganan 6.4 kali semalam mencerminkan keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap kebolehan ekonomi negara untuk kembali kukuh meskipun berdepan dengan pandemik COVID-19.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata bukan itu sahaja, sebelum ini juga Bank Dunia telahpun membuat unjuran yang ekonomi Malaysia berkembang sebanyak enam peratus tahun ini manakala kerajaan menetapkan unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara enam hingga 7.5 peratus.

"Bila kita buka sukuk, pinjaman bon antarabangsa yang dikeluarkan oleh Malaysia semalam, pada asal nya (saiz terbitan) adalah US\$1 billion, kita naikan kepada US\$1.3 billion, kerana lebih langganan.

"Langganan enam kali ganda lebih apa maknanya? Kepercayaan masyarakat antarabangsa bahawa negara kita mempunyai potensi (ekonomi) tumbuh lebih cepat dari banyak negara. Antara negara yang paling tinggi pencapair (unjuran) keluaran dalam negara kasar (KDNK) berbanding kebanyakan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Bacaan Yassin dan Tahlil serta Penyampaian Sumbangan Sempena Ramadan di Masjid Jamek Haji Muhammad Yassin, Pagoh, di sini, hari ini.

Semalam, kerajaan berjaya menetapkan harga Sukuk Kelestarian berdaulat pertama di dunia dalam dolar Amerika Syarikat menerusi terbitan bertempoh matang 10-tahun berjumlah US\$800 juta dan sukuk bertempoh matang 30-tahun US\$500 juta dengan pengagihan menyeluruh dari Asia hingga ke Amerika Syarikat (AS).

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dilaporkan sebagai berkata penerbitan sulung Sukuk Kelestarian itu turut menggambarkan kepercayaan pelabur terhadap asas ekonomi Malaysia dan prospek pertumbuhan yang kukuh.

Bernama

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK I

KELUARGA MALAYSIA

PENJANA

PRIHATIN

TEAM MOF

PRICE OF PETROLEUM

HARGA MINYAK